

Perpecahan Umat Islam Malaysia Dari Sudut Aqidah dan Fiqh

Oleh: Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang.

Firman Allah SWT :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Bermaksud: *Orang-orang beriman itu Sesungguhnya bersaudara, sebab itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat.*

(Surah al-Hujurat, ayat 10)

Masalah perpecahan umat Islam di negara ini telah lama menular dan berulang kali diperkatakan dan cuba ditangani, namun sehingga hari ini masih tiada penyelesaian yang efisien dan terbaik dilakukan. Telah berkurun umat Islam negara ini khususnya Melayu berada dalam dilema perpecahan dan perpisahan yang berpunca dari pelbagai faktor seperti politik, kepercayaan, dan pegangan agama. Keadaan ini amatlah jauh dari fitrah orang yang beriman yang dijelaskan Allah dalam ayat di atas bahawa umat Islam itu bersaudara.

Antara perkara yang penting dan perlu diberi perhatian dalam isu ini jika kita perhatikan ialah faktor perpecahan umat Islam dari sudut aqidah dan pelaksanaan syariah. Sebagaimana yang kita imani dan yakini, aqidah adalah suatu perkara asas dan *usul* dalam perkara agama yang tidak ada percanggahan dan kekhilafan mengenainya. Ini didasari dengan hadis yang masyhur dari Auf Bin Malik al-Asyja'i:

افترقت اليهود على إحدى وسبعين فرقةً فواحدةٌ في الجنةِ وسبعونَ في النارِ وافترقت النصارى على ثنتينِ وسبعينَ فرقةً فإحدى وسبعونَ في النارِ وواحدةٌ في الجنةِ والذي نفسُ محمدٍ بيده لتفترقنَّ أمّتي على ثلاثٍ وسبعينَ فرقةً واحدةٌ في الجنةِ وثلثانِ وسبعونَ في النارِ قيلَ يا رسولَ الله من هم قال الجماعةُ

Bermaksud: *“Rasulullah SAW bersabda; Yahudi terpecah menjadi 71 golongan, satu golongan masuk syurga dan 70 golongan di neraka, dan Nasrani terpecah menjadi 72 golongan, 71 golongan di neraka dan satu golongan di syurga, dan demi jiwa Muhammad berada di tangan-Nya, umatku benar-benar akan terpecah menjadi 73*

golongan, satu golongan di syurga dan 72 golongan di neraka, Ditanyakan kepada baginda 'Siapakah mereka (satu golongan yang masuk syurga itu) wahai Rasulullah?' Baginda menjawab; 'Al-Jama'ah'."

(Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Dapat difahami melalui hadith ini bahawa tidak ada percanggahan atau perselisihan dalam perkara aqidah kerana hanya ada satu golongan sahaja yang berada di jalan yang benar justeru diberi ganjaran syurga oleh Allah sedangkan golongan yang lain akan diazab di neraka. Para ulama' telah bersepakat bahawa *'al-jamaah'* yang disebut nabi itu merujuk kepada golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah, iaitu mazhab aqidah yang tulen dan benar, kerana ia adalah mazhab golongan majoriti umat Islam.

Timbul pula isu untuk mengesahkan siapakah Ahli Sunnah Wal Jamaah itu? Lantaran dari kesepakatan ulama' berkenaan Ahli Sunnah Wal Jamaah, maka semua golongan mengaku bahawa merekalah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Wahabi misalnya, tidak mengaku malah tidak berkenan jika mereka dilabel sebagai wahabi. Bahkan mereka juga mengaku sebagai Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Dari sudut fiqh dan pelaksanaan syariah, golongan ini hanya berpaksikan pandangan Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah tanpa mengimbangi pandangan-pandangan ulama' lain yang bersifat lebih *fleksibel* di dalam batasan syarak. Sebagai contoh, mereka membid'ahkan amalan-amalan yang baik seperti bacaan doa dan wirid berjemaah. Sedangkan jika diteliti terdapat sandaran hadith-hadith sama ada yang bertaraf sohih mahupun dhaif yang mendokong amalan-amalan tersebut. Adapun persoalan adakah hadith dhaif boleh kita beramal dengannya perlulah dikaji dan diteliti dengan sedalamnya, bukan menghukum sewenang-wenangnya atau menyama-tarafkaan dengan hadith maudhu' (palsu/rekaan). Menurut manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah harus beramal dengan hadith dhoif tetapi tidak harus dijadikannya hujah. Imam Nawawi di dalam Kitab *al-Azkar*, halaman 7 mengatakan:

"Para ulama daripada kalangan ahli hadis dan ahli feqah dan selain mereka berkata: Boleh dan disunatkan beramal dengan fadha'il, targhib (sesuatu yang menggalakkan supaya beramal) dan tarhib (sesuatu yang menggalakkan untuk meninggalkan dosa) dengan hadis dhaif, selama mana ia bukan hadis maudhu' (palsu)."

Golongan Ahli Sunnah Wal Jamaah juga berpegang pada satu-satu mazhab fiqh mengikut *uruf* dan amalan setempat masing-masing tanpa mencampur-adukkan hukum-hakam dari pelbagai mazhab yang boleh membuka ruang untuk bermudah-mudah dalam agama dan menurut hawa nafsu dalam membuat pilihan hukum.

Masalah akhlak dan adab juga kian meruncing di kalangan umat Islam masyarakat Melayu. Kita tidak lagi berakar dengan sifat-sifat mahmudah sekaligus tanpa disedari sifat mazmumah pula jadi pautan. Dengki, cemburu, iri hati telah beraja dalam jiwa. Malah dalam mewacana isu dan tajuk berkaitan Islam itu sendiri, kita tidak payunginya dengan perisai akhlak terpuji. Melabel, mengata, mencaci, bahkan mengkafir saudara Islam yang tidak sealiran dan seangkatan dengan kita juga sudah menjadi adat perbincangan.

Adakah kita lupa sabda baginda Nabi Muhammad SAW dari Abu Hurairah yang berbunyi:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Bermaksud: “*Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak.*”

(Hadis Riwayat Ahmad)

Akhlak memainkan peranan penting dalam merealisasikan umat Islam yang bersatu padu. Akhlak umat Islam merupakan cerminan agama Islam di mata dunia. Bertitik-tolak dari itulah Rasulullah mengaitkan perutusan baginda sebagai rasul dengan penyempurnaan akhlak. Maka jelaslah bahawa akhlak merupakan tunjang kesatuan umat Islam.

Kita dambakan umat yang bersatu atas tauhid Allah SWT. Tanganilah segala perbezaan pandangan dan pendapat dengan berakhlak. Tolak ansur dan toleransi sesama kita serta rai pandangan orang lain selagi tidak menyentuh perkara yang telah disepakati bercanggah dengan syarak. Kita inginkan umat yang meletakkan perjuangan agama itu sebagai prioriti mengatasi segala ikhtilaf-ikhtilaf kecil yang langsung tidak menyumbang kepada agama.